



SYARIKAT PRASARANA NEGARA BERHAD
(Company No. 467220-U)
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

Syarikat Prasarana Negara Berhad ("Prasarana") adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudahkan, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur bagi pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya adalah pemilik dan pengendali kepada beberapa perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Kelang antaranya Aliran Ampang, Aliran Kelana Jaya, sistem monorel KL dan rangkaian bas di Lembah Kelang. Kawasan operasi yang lain adalah di Pulau Pinang (perkhidmatan bas) dan di Langkawi (perkhidmatan kereta kabel).

KENYATAAN TENDER

(UNTUK KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

No. Tender	Tajuk Tender	Kelayakan Pendaftaran PKK dan LPIPM (CIDB)	Tempat & Tarikh Mula Penjualan Dokumen Tender	Harga Dokumen Tender	Tempat Serahan & Tarikh Tutup Tender
PRASARANA/CPD/E/115/196/2010	"PROPOSED REFURBISHMENT AND UPGRADING OF CHERAS LRT STATION, CHAN SOW LIN LRT STATION, PUDU LRT STATION, SENTUL LRT STATION AND SENTUL TIMUR LRT STATION, AMPANG LINE"	PKK Kelas A Kepala I, Sub-Kepala 1 dan Kepala II, Sub-Kepala 2(a) dan LPIPM (CIDB) Berdaftar	Jabatan Perolehan Pusat, Syarikat Prasarana Negara Berhad, B-20-1, Level 20, Menara UOA Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur 18 Jun 2010 hingga 25 Jun 2010 dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang Pada waktu pejabat (kecuali Sabtu, Ahad & Cuti Umum)	RM2,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Sahaja) (tidak dipulangkan) dalam bentuk 'Postal Order' atau 'Bank Draft' / 'Banker's cheque' pembayaran kepada Syarikat Prasarana Negara Berhad	Jabatan Perolehan Pusat, Syarikat Prasarana Negara Berhad, B-20-1, Level 20, Menara UOA Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur pada atau sebelum 12 Julai 2010 12.00 tengahari

- Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berdaftar dengan dan di bawah kod pendaftaran seperti yang diperincikan dalam jadual di atas, yang masih sah dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini.
- Penender juga perlu memenuhi kriteria kelayakan sepertimana berikut:
 - Pengalaman dalam kerja-kerja berkaitan pengubahsuaian, pembaharuan dan menaiktaraf bangunan adalah satu kelebihan.
 - WAJIB** menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak, sepertimana di bawah:-

Tarikh : 18 Jun 2010 (Jumaat)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Ruang Terbuka, berdekatan Kaunter Tiket, Stesen LRT Sentul Timur
Nota : Kontraktor yang berminat diwajibkan menghantar wakil yang mempunyai pengetahuan mengenai Tender & Kontrak bagi kerja yang dimaksudkan serta diberi hak kuasa mewakili oleh pihak syarikat.
- Dokumen Tender akan dipamerkan semasa sesi taklimat dan **hanya dijual** kepada penender yang menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Prasarana TIDAK akan melayan sebarang permintaan pembelian Tender Dokumen sebelum dan/atau selepas dari tarikh yang tertera.
- Dokumen Tender hanya akan dijual kepada wakil penender yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil penender **DIWAJIBKAN** membawa surat pengesahan sebagai wakil dari petender bersama **sijil ASAL Pendaftaran PKK dan LPIPM (CIDB) yang masih sah tempohnya dan berstatus Bumiputera berserta SALINAN sijil Yang Telah Disahkan / "Certified True Copy"** oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A.
- Penender adalah diperingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
- Prasarana adalah tidak terikat untuk menerima tawaran harga terendah atau sebarang tawaran berkaitan tender ini.
- Semua Kontraktor yang telah berdaftar atau yang telah menyerahkan pendaftaran minat ('Expression of Interest') dikehendaki memenuhi syarat-syarat yang disebutkan di atas sekiranya berminat untuk mengambil bahagian dalam tender ini.
- Sebarang pertanyaan mengenai Tender di atas boleh diajukan kepada Jabatan Perolehan Pusat, Prasarana di talian 603-2299 1999 sambungan 1428/1430/1403 atau email kepada procurement@prasarana.com.my. Maklumat lanjut mengenai iklan ini atau profil Kumpulan Prasarana boleh dilayari di laman web kami www.prasarana.com.my.